

KONSEP ROH DAN ROH SUCI DALAM ISLAM

Ahmad Muti`a Qabbani Ahmad Tarmizi,¹
Khadijah Mohd Khambali @ Hambali²

Abstrak

Istilah *ruh al-qudus* merupakan istilah al-Qur'an yang mempunyai makna tersendiri. Kalimah tersebut merujuk kepada malaikat Jibril. Konsep *ruh al-qudus* dan mengapa ia dikaitkan dengan Jibril tidak diketahui secara rinci oleh kebanyakan masyarakat Muslim. Apatah lagi, setiap individu Muslim turut memiliki roh "manusia" yang turut merupakan anugerah daripada Allah. Perihal ini berkemungkinan menatijahkan kekeliruan dalam memahami konsep roh manusia, dan "roh daripada Allah" (*ruhihi* – roh-Nya) dan *ruh al-qudus* (roh suci). Oleh itu, mendorong artikel ini menghuraikan perkataan *ruh al-qudus* menurut taakulan dan tafsir yang *ma'thur* daripada mufasir terpilih dengan mengaplikasikan metode analisis kandungan ayat al-Qur'an berkaitan yang sedia wujud. Perbincangan ini mendapati bahawa *ruh al-qudus* ini diasosiasikan dengan malaikat Jibril kerana ia menggambarkan kesucian malaikat Jibril yang dicipta daripada cahaya dan suci daripada dosa dan berfungsi dalam menyampaikan risalah kepada para rasul pilihan Allah dan sekaligus memastikan keteguhan jiwa setiap rasul yang menjamin misi dan visi seruan dakwah berjaya. Selain itu, dapat difahami bahawa roh manusia bukan "Roh Allah" dan bukan malaikat, serta ungkapan "roh-Nya" bukan bermaksud "Roh Allah", dan roh suci itu adalah Jibril, yang tidak ada kaitan dengan roh manusia. Tegasnya, masyarakat Muslim sewajarnya merujuk tafsiran ulama muktabar dalam memahami ayat al-Qur'an seumpama ini.

Kata kunci: roh, roh suci, Jibril, konsep roh-Nya, penciptaan Nabi Isa

THE CONCEPT OF SPIRIT AND THE HOLY SPIRIT IN ISLAM

Abstract

The word ruh al-qudus is a Qur'anic term has its own meaning. The phrase refers to the angel Gabriel. The concept of ruh al-qudus and why it is associated with Jibril is not known in detail by most Muslims. What is more, every Muslim individual also has a "human" spirit which is also a

¹ Ahmad Muti`a Qabbani Ahmad Tarmizi, Calon Sarjana, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. E-mel: ahmadmutiaqabbani@gmail.com.

² Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, PhD, Profesor Madya, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. E-mel: ijahm@um.edu.my.

gift from Allah. This is likely to lead to confusion in understanding the concept of the human spirit, and “spirit from Allah” (ruhihi - His spirit) and ruh al-quḍus (holy spirit). Therefore, this article attempts to elaborate the word ruh al-quḍus in the Qur’an as interpreted by selected mufasssir which are already existed by using content analysis method. This discussion finds that this term is associated with the angel Jibril because it describes the purity of the angel who was created from light and sanctity from sin and serves in delivering the God’s revelations to the apostles of God and thus ensuring the steadfastness of each apostle’s mission which ensures the mission and vision of the da’wah. Moreover, it can be understood that the human spirit is not “the Spirit of Allah” and not an angel, and the expression “His spirit” does not mean “the Spirit of Allah”, and the Holy Spirit is Gabriel, who has nothing to do with the human spirit. Furthermore, the Muslim community should refer to the interpretation of the established scholars in understanding verses of the Qur’an in such related matters.

Keywords: *spirit, holy spirit, Gabriel, concept of His spirit, creation of Prophet Isa*

Pendahuluan

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa *ruh al-quḍus* merupakan istilah al-Qur’an yang merujuk kepada malaikat Jibril. Namun, asbab kurniaan roh suci kepada malaikat Jibril ini kurang difahami. Sementara pula, setiap individu manusia turut dikurniakan roh manusia yang turut merupakan kurniaan daripada Allah. Apakah kurniaan ini merupakan roh Allah kepada malaikat Jibril dan manusia? Justeru, perbincangan dalam artikel ini tertumpu kepada konsep *ruh al-quḍus* menurut perspektif Islam yang menumpukan perbincangan kepada ayat-ayat al-Qur’an berkaitan konsep tersebut.

Definisi Roh

Ibn Manẓūr berpendapat *ruh* yang jamaknya ialah *arwah* berasal daripada kalimah *al-riḥ* yang bermaksud angin. Apabila digandingkan dengan manusia ia bermaksud nafas. Ia sebagai nafas yang disedut oleh setiap insan yang mengalir dalam jasadnya sehingga membuatnya hidup.³

³ Ibn Manẓūr, Abū Fadhīl Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukram, *Lisān al-‘Arab*, jil. 5, cet. 3, (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabīy, 2012), h. 356; Adam

Al-Jurjani mengkategorikan roh kepada dua bahagian; *ruh insani* dan *ruh hayawani*. *Ruh insani* ialah suatu unsur yang halus dapat mengetahui dan memperolehi ilmu, dimiliki oleh manusia dan sering dikaitkan dengan akal fikiran dan akhlak yang baik. Selain itu, setiap insan turut memiliki *ruh hayawani* yang membuatkan akal menjadi lemah daripada mengetahui hakikat roh dan sekaligus menguasainya. *Ruh hayawani* ini yang merupakan suatu jisim halus, menempati ruang kosong hati, dan beredar ke seluruh badan melalui saluran-saluran darah.⁴ *Ruh hayawani* ini yang sering dikaitkan dengan hawa nafsu manusiawi sehingga hilang pertimbangan akal dan bertindak di luar daripada batasan manusiawi. Ini kerana kelemahan menguasai *ruh insani*, akhlak mulia dan akal fikiran.

Menurut Mutakalimin, perbahasan roh lebih fokus kepada diri dan sifat *al-Makhluk* (ciptaan) bukannya *al-Khaliq* (Pencipta).⁵ Tegasnya, pemaknaan roh secara umum merujuk kepada entiti yang dikurniakan Allah bagi tujuan menghidupkan jasad seseorang individu dengan izinNya juga.

Konsep Roh dalam al-Qur'an

Firman Allah dalam surah al-Isra' menceritakan perihal roh dan beberapa tafsiran terhadap ayat ini menjelaskan lagi konsep roh menurut Islam.

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا.

Terjemahan: Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja.

Al-Isra` (17):85.

Menurut al-Nasafi, ayat ini menggambarkan bahawa perbahasan mengenai roh merupakan urusan yang termaktub dalam ilmu Allah. Ini menjelaskan bahawa akal manusia tidak mampu mencerap hakikat roh dan sekaligus meletakkannya dalam perihal

Badhrulhisham dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Konsep Roh Suci Menurut Islam dan Kristian", AFKAR, Vol. 1, Isu 1(2018): 88.

⁴ Al-Jurjani, al-Sayyid al-Sharif Abi al-Hasan `Ali bin Muhammad al-Humayni), *al-Ta`rifat*, (Beirut: Dar al-Kitab al-`Ilmiyyah, 1421H). h.115-116.

⁵ *Ibid*; Mohd Hasrul Shuhari. Mohd.Fauzi Hamat. "al-Asma' al-Husna dalam Wacana Akidah". *Afkar*. 11 (2010):.47-52.

berkaitan sam'iyat. Al-Nasafi mengukuhkan lagi pandangannya dengan menegaskan bahwa ayat tersebut ditujukan kepada setiap insan khususnya masyarakat Yahudi yang banyak bertanya mengenai hakikat roh. Jelas sekali bahwa ilmu manusia adalah terhad dan ternyata bahwa ilmu Allah itu sifatnya meliputi (*inkishaf*).⁶

Selain itu, Allah berfirman:

قُلْ نَزَّلَهُ رُوحُ الْقُدُسِ مِنْ رَبِّكَ بِالْحَقِّ لِيُثَبِّتَ الَّذِينَ آمَنُوا وَهُدًى
وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ.

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): Al-Quran itu diturunkan oleh *ruh al-qudus* (Jibril) dari Tuhanmu dengan cara yang sungguh layak dan berhikmat, untuk meneguhkan iman orang-orang yang beriman, dan untuk menjadi hidayah petunjuk serta berita yang mengembirakan bagi orang-orang Islam.

Al-Nahl (16):102.

Al-Nasafi merujuk kalimah roh dalam ayat ini sebagai malaikat Jibril yang menyampaikan wahyu kepada para Rasul dan lebih khusus lagi kepada Nabi Muhammad SAW. Pendapat al-Nasafi dalam surah al-Nahl yang merujuk kalimah roh disandarkan kepada malaikat Jibril ini turut dikukuhkan lagi oleh al-Razi. Ayat tersebut bersesuaian dengan konteks ayat dan plot cerita yang dikisahkan dalam surah al-Nahl.

Manakala dalam ayat 85 surah al-Isra', al-Razi menyatakan bahawa ayat ini dapat dibahagikan kepada lima masalah pokok atau persoalan. Pertama; roh adalah asbab hidupnya sesuatu makhluk. Roh itu adalah sesuatu yang baru dan bukannya qidam, sama seperti tubuh jasmani manusia. Manusia tidak mampu mengetahui hakikat roh. Kedua; roh sering dikaitkan dengan al-Qur'an, dan malaikat Jibril sama ada dengan rujukan sebagai *ruh al-amr* atau *ruh al-qudus* yang bertindak sebagai pendamping dan pedoman kehidupan dan penyampai wahyu. Ini menunjukkan al-Qur'an dan Malaikat Jibril itu sifatnya memiliki roh atau rahsia yang termaktub dalam urusan Allah. Ketiga; roh dan hakikat penciptaan manusia. Tubuh

⁶ Al-Nasafi, 'Abd Allah ibn Ahmad ibn Mahmud. *Tafsir al-Nasafi Madarik al-Tanzil wa Haqa'iq al-Ta'wi* Jil. 2.(Beirut: Dar al-Kalam al-Tayyib, t.t). h 274 – 275.

manusia memiliki deria rasa (*sensible*). Manusia terdiri daripada dua unsur iaitu tubuh roh yang dinamakan sebagai rohani dan tubuh jasad yang dinamakan sebagai jasmani. Kedua-duanya saling memerlukan dalam menanggapi dan mencerap sesuatu perkara. Keempat; roh itu tinggal di dalam badan manusia. Kelima; roh dan pensabitan keadaan *nafs* dalam lingkungan akal manusia.⁷

Menurut al-Baydawi pula, ayat 85 surah al-Isra' menerangkan mengenai roh hidup dalam tubuh manusia dan dikawal. Beliau juga tidak menolak pendapat para mufasir lain yang mengatakan bahawa roh itu adalah Jibril seperti dinyatakan dalam ayat-ayat lain berkait dengan roh sesuai dengan konteks ayat dan plot pengkisahan dalam ayat-ayat yang diungkapkan dalam al-Qur'an.⁸

Penjelasan tersebut memperincikan lagi kedudukan pemaknaan roh manusia dan *ruh al-qudus*. Perincian terhadap roh manusia merupakan antara perkara yang termaktub dalam urusan ilmu Allah. Manakala, *ruh al-qudus* jelas merujuk kepada malaikat Jibril yang ditugaskan sebagai penyampai wahyu kepada Rasul pilihan Allah sebagaimana yang diungkapkan dalam ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan.

Konsep Roh dalam al-Hadith

Selain penjelasan dan panduan al-Qur'an mengenai roh, Hadith Baginda Rasulullah SAW juga memberi panduan kepada manusia mengenai gambaran roh. Antaranya adalah Hadith berkenaan asbab diwahyukan surah al-Isra' ayat 85 dalam persoalan roh,⁹ sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Ketika kami berjalan-jalan dan bersama Rasulullah SAW di sekitar Madinah, dan Baginda (ketika itu) bertongkatkan pelepah (tamar). Lalu, kami menempuhi satu kumpulan Yahudi. Sebahagian mereka berkata kepada yang lain: Tanyalah kepadanya tentang roh. Sementara, sebahagian yang lain pula berkata: Jangan kamu tanya kepadanya, kemungkinan nanti dia memberikan jawapan yang kamu tidak

⁷ Al-Razi, Fakhr al-Din. *al-Tafsir al-Kabir*. Jil. 21 (Beirut: Dar al-Fikr, Taba`ah wa Nashr wa Thawari', t.t). h. 37-53.

⁸ Al-Baydawi. *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil (Tafsir al-Baydawi)*. Jil. 3. (Beirut: Dar al- Ihya al-Turath al-`Arabi. Muassasah Tarikh `Arabi. t.t). h. 265

⁹ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*. Kitab `Ilm. Bab Firman Allah (wa ma uitum min al-`ilm illa qalila). No. Hadith :125. No. 122; al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab Tafsir al-Qur`an, No. 1066.

sukai. Kata sebahagian yang lain: Kita tanya kepadanya. Lalu, bangunlah seorang lelaki dan berkata: Wahai Abu al-Qasim, apakah itu roh? Rasulullah SAW berdiam diri, maka ketahuilah aku bahawa Baginda sedang menerima wahyu. Baginda bersabda [dengan ayat]: (Dan mereka bertanya kepadamu wahai Muhammad tentang roh. Katakanlah: Roh itu termasuk dalam urusan Tuhanku dan kamu hanya diberi sedikit sahaja ilmu pengetahuan).

Selanjutnya Hadith berkenaan Maryam dan Nabi Isa.¹⁰ Diriwayatkan daripada Ubadah bin al-Samit r.a. katanya: Rasulullah SAW telah bersabda: Sesiapa yang mengucap aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah yang Esa tiada sekutu bagi-Nya dan Muhammad hamba-Nya dan pesuruh-Nya dan Nabi Isa adalah hamba Allah dan anak hamba-Nya (Maryam) dan kalimah-Nya [iaitu Nabi Isa a.s. dijadikan oleh Allah tidak berbapa hanya dengan kalimah *kun*, maka jadilah dia] yang disampaikan kepada Maryam dan juga tiupan roh daripada-Nya.

Berasaskan penghuraian tersebut, secara umumnya roh merupakan entiti yang termasuk dalam perkara sam'iyat dan merupakan urusan Allah. Ilmu mengenai roh yang dimiliki oleh insan amat sedikit dan kerana itu menatijahkan beberapa pandangan berkaitan roh yang sentiasa dikaitkan dengan ilmu Allah dan keagungan Allah.

Selain pengertian roh secara umum, roh manusia yang merupakan anugerah Allah memperincikan dan menegaskan bahawa setiap insan ini adalah makhluk istimewa dan Allah adalah Pencipta yang Maha Hebat. Bahkan setiap insan ini tertakluk kepada amanah dan tanggungjawab yang perlu digalas atas wujudnya perjanjian dengan Allah yang menepati tanggungjawab sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya di dunia.

Ungkapan “Roh-Nya” dalam al-Qur’an

Selain panduan al-Qur’an dan Hadith Rasulullah di atas, terdapat beberapa ayat lain yang menyebut mengenai roh, tetapi secara zahirnya seolah-olah menyandarkan roh kepada Allah, yang secara

¹⁰ Al-Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab Iman, Bab `an Dalil Man Mata fi Din al-Tawhid, Faqad Dakhal al-Jannah, No. 41.

literalnya diterjemahkan sebagai “Roh-Nya”. Contohnya, Allah berfirman:

ثُمَّ سَوَّاهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِنْ رُوحِهِ ۗ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ ۗ قَلِيلًا
مَا تَشْكُرُونَ.

Terjemahan: Kemudian Ia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya: roh ciptaan-Nya. Dan Ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.

Al-Sajdah (32):9.

Menurut al-Nasafi, ungkapan *wa nafakha fihī min ruhihi* membawa erti telah dimasukkan sesuatu ke dalam tubuh manusia iaitu ‘ilmu pengetahuan’ yang disandarkan kepada Allah bagi memuliakan dan melambangkan manusia itu sebagai sebaik-baik penciptaan. Seterusnya, dikurniakan pula pendengaran, penglihatan dan penaakulan akal. Namun, sangat sedikit daripada kalangan manusia yang bersyukur akan nikmat kemuliaan yang dikurniakan oleh Allah.¹¹

Menurut al-Razi, ungkapan tersebut menunjukkan perkataan roh yang disandarkan kepada Allah itu turut disandarkan kepada jiwa (*al-nafs*) manusia bagi memuliakan manusia yang diciptakan daripada tanah. Seterusnya bagi menyangkal pendustaan penganut Kristian bahawa Nabi Isa itu adalah anak Allah. Realitinya, setiap insan mempunyai roh yang diciptakan Allah dan tidak terbatas hanya istimewa buat nabi Isa sahaja. Allah itu Pencipta dan Pemilik sekalian roh yang ada. Namun, Zat Allah itu bukan roh. Rentetan daripada penciptaan roh yang mulia; justeru setiap insan turut dikurniakan sifat mulia yang lain seperti pendengaran, penglihatan dan pengetahuan.¹²

Proses kejadian Nabi Isa daripada kalimah Allah jelas memperlihatkan kekuasaan Allah yang mencipta roh Nabi Isa yang jauh berbeza dengan proses penciptaan roh lain yang berasaskan kepada *sabab* dan *musabbab* iaitu wujudnya hubungan intim antara pasangan suami isteri. Proses penciptaan Nabi Isa ini juga berbeza dari proses penciptaan Nabi Adam dan Hawa kerana penciptaan

¹¹ Al-Nasafi. *Tafsir al-Nasafi* .h 7.

¹² Al-Razi. *al-Tafsir al-Kabir*. h.175.

Nabi Adam dan Hawa di dalam persekitaran manusia belum lagi dicipta. Sedangkan penciptaan roh Nabi Isa dalam suasana manusia telah dicipta. Bagaimanapun kejadian roh Nabi Isa tidak dihasilkan dari seorang bapa sebaliknya hanya dikandung dan dilahirkan oleh seorang ibu sahaja iaitu Maryam. Allah telah mencipta roh Nabi Isa dan dikurniakan kepada Maryam untuk dikandung dan dilahirkan.¹³ Oleh itu Nabi Isa adalah absah sebagai putera Maryam.¹⁴

Keabsahan penisbahan Nabi Isa kepada Maryam memperlihatkan bahawa kejadian Nabi Isa bukan hasil daripada hubungan antara suami dan isteri seperti kejadian manusia yang lain dan kemudian dinisbahkan kepada nama bapa.¹⁵ Ini bererti Allah Berkuasa mencipta sesuatu tanpa perlu kepada asas *sabab* dan *musabbab*, sebaliknya cukup melalui lafaz *kun* (jadilah), maka jadilah sesuatu yang dikehendaki-Nya. Ini bererti bahawa penciptaan Nabi Isa ini adalah sama seperti penciptaan nabi Adam hanya berbeza daripada aspek proses penciptaannya sahaja.¹⁶ Melalui lafaz *kun*, bukannya Nabi Isa dicipta daripada roh Allah; sebaliknya lafaz roh Isa yang disandarkan kepada Allah hanyalah memperlihatkan kurniaan Allah kepada Nabi Isa yang dicipta tanpa bapa dan penegasan kepada kekuasaan Allah mencipta makhluk-Nya mengikut iradat Allah dan tidak lebih dari itu,¹⁷ dan secara tidak langsung membuktikan keagungan Allah dan sifat kasih-Nya kepada manusia yang telah dilantik sebagai khalifah Allah dan bertanggungjawab memakmurkan dan membangunkan alam.

Perihal ini turut direncami oleh al-Baydawi berdasarkan ungkapan tersebut, yang menerangkan bahawa Allah memberi penghormatan kepada manusia dengan menciptakan sesuatu yang menakjubkan iaitu roh yang disandarkan kepada Diri-Nya tetapi bukan zat Allah kepada manusia bagi menunaikan amanah dan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah. Setiap insan

¹³ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Isa al-Masih Putera Maryam: Satu Taakulan", *Jurnal Usuluddin*. Vol. 3, (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Disember 1995). h. 21.

¹⁴ Syed Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, ed. 3, (Beirut: Dar al-Syuruq 1982). h. 396-398; al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir*, ed.3, Jil.7, (Kaherah: Dar al-Fikr, 1985). h. 50-51.

¹⁵ Al-Zamaksari, Abu Qasim Jarallah Mahmud ibn 'Umar, *al-Kasyaf*, Jil. 1, (Mesir: Dar al-Fikr, t.t). h. 584-585; Syed Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*. h. 398.

¹⁶ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Isa al-Masih Putera Maryam: Satu Taakulan". h. 21.

¹⁷ *Ibid.* h. 22

telah melakukan perjanjian dengan Allah semasa di alam roh lagi sebelum mereka dilahirkan ke dunia. Ini menegaskan bahawa setiap insan sewajarnya mengingati perjanjian antara dirinya dengan Allah pada alam roh dulu (alam rahim), dan ia adalah titik tolak untuk mengenali Allah,¹⁸ dan sekaligus menunaikan amanah dan tanggungjawab sebagai hamba-Nya dan khalifah Allah.

Ini menjelaskan bahawa roh Rabbaniyyah dan akal fikiran yang dikurniakan kepada setiap hamba Allah adalah anugerah istimewa dan persiapan setiap insan melunaskan amanah dan tanggungjawab sebagai hamba yang taat atau sebaliknya dan khalifah yang bijak atau sebaliknya. Ini bergantung kepada ilmu dan kebijaksanaan setiap individu. Ini bererti bahawa roh Rabbaniyyah bukan bermaksud roh suci. Kesucian roh ini kerana ianya anugerah Allah dan suci daripada melakukan dosa ketika penciptaannya tetapi ujian kehidupan sebagai hamba dan khalifah Allah meletakkan seseorang itu berjaya atau sebaliknya melunaskan perjanjian dan amanahnya dengan Allah. Justeru, ia bukanlah roh suci. Sebaliknya roh suci ini lebih merujuk kepada entiti dan berperanan yang berbeza daripada insan. Untuk mengetahuinya, perihal ini ditelusuri dengan cermat.

Konsep Roh Suci dalam Islam

Ruh al-qudus secara literalnya bermaksud roh suci.¹⁹ Kalimah *ruh al-qudus* disebutkan dalam al-Qur'an secara spesifik sebanyak empat kali iaitu dalam Surah al-Nahl, surah al-Baqarah, surah al-Nisa', dan surah al-Ma'idah.²⁰ Antara contohnya seperti yang diungkapkan dalam surah berikut:

قُلْ نَزَّلَهُ رُوحُ الْقُدُسِ مِنْ رَبِّكَ بِالْحَقِّ لِيُثَبِّتَ الَّذِينَ آمَنُوا وَهُدًى
وَبُشْرَى لِلْمُسْلِمِينَ.

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): Al-Quran itu diturunkan oleh *ruh al-qudus* (Jibril) dari Tuhanmu dengan cara yang sungguh layak dan berhikmat, untuk meneguhkan

¹⁸ Al-Baydawi. *Tafsir al-Baydawi*. h. 220.

¹⁹ Adam Badhrullisham dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, *Konsep Roh Suci Menurut Islam dan Kristian*, h. 90.

²⁰ Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi, *al-Mu'jam al-Mufahris li Alfāz al-Qurān al-Karīm*, (Kaherah: Dār al-Hadis, 1996), h. 326

iman orang-orang yang beriman, dan untuk menjadi hidayah petunjuk serta berita yang mengembirakan bagi orang-orang Islam.

Al-Nahl (16):102.

Pemaknaan dan konteks ayat di atas jelas memperlihatkan bahawa roh suci itu disandarkan kepada maksud malaikat Jibril yang dipertanggungjawabkan oleh Allah menyampaikan wahyu kepada para rasul pilihan. Malaikat Jibril dipertanggungjawabkan menyampaikan wahyu dan risalah tauhid kepada setiap rasul yang dilantik oleh Allah.

Sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, al-Nasafi menegaskan bahawa perkataan *ruh al-qudus* dalam ayat 102 surah al-Nahl ini membawa maksud malaikat Jibril yang telah menyampaikan wahyu (al-Qur'an) kepada Nabi Muhammad bagi menjadi petunjuk dan berita gembira kepada individu beriman.²¹

Pandangan beliau dikukuhkan lagi dengan pendapat al-Razi yang menjelaskan bahawa perkataan *ruh al-qudus* merujuk kepada malaikat Jibril sebagai malaikat yang suci kerana hakikat kejadian malaikat Jibril yang diciptakan daripada cahaya yang bersifat rohani. Oleh itu penggunaan kalimah *ruh al-qudus* lebih tepat merujuk kepada malaikat Jibril yang menyampaikan wahyu.²²

Manakala menurut al-Baydawi pula, kalimah *ruh al-qudus* merujuk kepada malaikat Jibril. Roh itu disebut *al-qudus* kerana disandarkan sifat suci *al-tahr* kepada malaikat Jibril yang suci daripada dosa dan sekaligus memikul amanah menyampaikan wahyu yang suci kepada rasul pilihan Allah yang terpilih dan suci sebagai petunjuk dan khabar gembira bagi Muslim.²³

Ketekalan pemaknaan roh suci itu merujuk kepada malaikat Jibril dan fungsi serta peranannya ini turut diperlihatkan dalam suatu ayat lain yang menelusuri kisah Nabi Isa a.s. dan bondanya Maryam.

²¹ Al-Nasafi. *Tafsir al-Nasafi*. h 234.

²² Al-Razi. *al-Tafsir al-Kabir*. h. 117-118.

²³ Al-Baydawi. *Tafsir al-Baydawi*. h. 240.

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَقَفَّيْنَا مِنْ بَعْدِهِ بِالرُّسُلِ ۗ وَآتَيْنَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ
 الْبَيِّنَاتِ وَأَيَّدْنَاهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ ۗ أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَى أَنْفُسُكُمْ
 اسْتَكْبَرْتُمْ فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ.

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah memberikan kepada Nabi Musa Kitab Taurat, dan Kami iringi kemudian daripadanya dengan beberapa orang Rasul, dan Kami berikan kepada Nabi Isa Ibn Maryam beberapa mukjizat serta Kami teguhkan kebenarannya dengan *ruh al-qudus* (Jibril). Maka patutkah, tiap-tiap kali datang kepada kamu seorang Rasul membawa sesuatu (kebenaran) yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu (dengan) sombong takbur (menolakny), sehingga sebahagian dari Rasul-rasul itu kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya?

Al-Baqarah (2):87.

Penegasan daripada al-Nasafi bahawa perkataan *ruh al-qudus* dalam ayat ini membawa maksud malaikat Jibril bertanggungjawab membantu menyokong dan mendorong dalam meneguhkan jiwa Nabi Isa a.s. yang dilahirkan tanpa bapa sebagaimana yang diperbahaskan sebelum ini dengan mewahyukan kepadanya kitab Injil sebagai hujah dalam berdepan dengan golongan pendusta dan ingkar.²⁴

Al-Razi mendukung pendapat yang sama dengan menekankan bahawa perkataan *ruh al-qudus* merujuk kepada Malaikat Jibril sebagai penyampai wahyu yang bertanggungjawab menyampaikan Injil kepada Nabi Isa sebagai kitab suci dan sekaligus bertindak sebagai sumber kekuatan kepada Nabi Isa²⁵ yang membuktikan baginda adalah nabi dan rasul Allah juga hambaNya sekalipun penciptaannya berbeza daripada penciptaan yang lain.

Menurut al-Baydawi, kalimah *ruh al-qudus* merujuk kepada malaikat Jibril yang bertanggungjawab menguatkan dan meneguhkan keyakinan Maryam bahawa Nabi Isa yang berada dalam kandungannya itu dikurniakan oleh Allah kepadanya tanpa disentuh oleh seorang lelaki pun.²⁶

²⁴ Al-Nasafi. *Tafsir al-Nasafi*. h 107-108.

²⁵ Al-Razi. *al-Tafsir al-Kabir*. h. 188-190.

²⁶ Al-Baydawi. *Tafsir al-Baydawi*. h. 92-93.

Penciptaan Nabi Isa ini sebagai kurniaan Allah kepada Nabi Isa dan sekaligus bukti kekuasaan dan iradat Allah. Perihal ini diungkapkan dalam ayat berikut:

تِلْكَ الرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ مِنْهُمْ مَنْ كَلَّمَ اللَّهُ وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ
دَرَجَاتٍ ۗ وَآتَيْنَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ الْبَيِّنَاتِ وَأَيَّدْنَاهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ ۗ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ
مَا آفَتَتِلَّ الَّذِينَ مِنْ بَعْدِهِمْ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمْ الْبَيِّنَاتِ وَلَكِنْ اٰخْتَلَفُوا فَمِنْهُمْ
مَنْ ءَامَنَ وَمِنْهُمْ مَن كَفَرَ ۗ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا آفَتَتَلُوا وَلَكِنَّ اللَّهَ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ.

Terjemahan: Rasul-rasul Kami lebihkan sebahagian daripada mereka atas sebahagian yang lain (dengan kelebihan-kelebihan yang tertentu). Di antara mereka ada yang Allah berkata-kata dengannya, dan ditinggikan-Nya (pangkat) sebahagian daripada mereka beberapa darjat kelebihan. Dan Kami berikan Nabi Isa Ibn Maryam beberapa keterangan kebenaran (mukjizat), serta Kami kuatkan dia dengan *ruh al-qudus* (Jibril). Dan sekiranya Allah menghendaki nescaya orang-orang yang datang kemudian daripada Rasul-rasul itu tidak berbunuh-bunuhan sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan (yang dibawa oleh Rasul mereka). Tetapi mereka bertelingkah, maka timbullah di antara mereka: orang yang beriman, dan orang yang kafir. Dan kalaulah Allah menghendaki tentulah mereka tidak berbunuh-bunuhan; tetapi Allah melakukan apa yang dikehendaki-Nya.

Selain itu, Nabi Isa turut dikenali sebagai al-Masih yang merupakan kurniaan Allah kepada Nabi Isa yang menggambarkan personalitinya sebagai pesuruh Allah yang taat dan sempurna kejadiannya sebagai manusia yang dicipta tanpa melalui proses kejadian seperti penciptaan manusia yang lain dan sekaligus ketampanan dan kesegakannya serta kegahannya sebagai pesuruh Allah terserlah.²⁷ Tuntasnya, al-Masih merupakan suatu kurniaan dan pujian kepada Nabi Isa putera Maryam atas alasan untuk memuliakannya sama seperti kedudukan pesuruh-pesuruh Allah yang lain biarpun beliau dilahirkan tanpa bapa. Bahkan

²⁷ Untuk menegtahui lebih lanjut mengenai maksud al-Masih, sila rujuk Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Isa al-Masih Putera Maryam: Satu Taakulan". h. 19-39.

kelahirannya ini juga merupakan suatu rahsia daripada rahsia-rahsia kehidupan manusia di alam sejagat ini. Kurniaan ini tiada kaitan sama sekali dengan kewujudan kepercayaan bahawa Nabi Isa dicipta daripada roh suci dan zat Tuhan.

Allah menegaskan dalam ayat berikut:

يٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَآبِ لَا تَغْلُوْا فِى دِيْنِكُمْ وَلَا تَقُولُوْا عَلَى ٱللَّهِ ٱلْإِلَآهَ ٱلْحَقَّ إِنَّمَا ٱلْمَسِيْحُ عِيسَى ٱبْنُ مَرْيَمَ رَسُوْلٌ ٱللَّهُ وَكَلِمَتُهُ ٱلْقَدِيْمَةُ ٱلِى مَرْيَمَ وَرُوْحٌ مِّنْهُ فَمَآ مَنُوْا بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَلَا تَقُولُوْا ثَلَاثَةٌ ثَلَاثُهُمْ إِنَّمَا ٱللَّهُ ٱلْإِلَهُ وَوَٰحِدٌ سُبْحَٰنَهُۥٓ أَن يَكُوْنَ لَهُۥ وَلَدٌ لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِىْلًا.

Terjemahan: Wahai Ahli kitab (Yahudi dan Nasrani)! Janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar; sesungguhnya al-Masih Isa Ibn Maryam itu hanya seorang pesuruh Allah dan Kalimah Allah yang telah disampaikan-Nya kepada Maryam, dan (ia juga tiupan) roh daripada-Nya. Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya, dan janganlah kamu mengatakan: “(Tuhan itu) tiga”. Berhentilah (daripada mengatakan yang demikian), supaya menjadi kebaikan bagi kamu. Hanyasanya Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa, Maha Suci Allah daripada mempunyai anak. Bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Dan cukuplah menjadi Pengawal (Yang Mentadbirkan sekalian makhluk-Nya).

Al-Nisa’ (4):171.

Menurut al-Nasafi, ayat ini dibahagikan kepada dua tema utama iaitu; pertama; berkaitan penciptaan Nabi Isa yang memperlihatkan rohnya dihidupkan dalam rahim bondanya; Maryam melalui tiupan *ruh al-qudus* dengan izin Allah. Istilah ‘tiup’ digunakan kerana sifat roh itu diibaratkan seperti angin yang memasuki tubuh badan Nabi Isa dengan laju melalui pakaian Maryam dan seterusnya masuk ke dalam perutnya yang suci.²⁸ Menurut al-Baydawi, peniupan roh ke dalam rahim Maryam yang

²⁸ Al-Razi. *al-Tafsir al-Kabir*. h.50-51.

meletakkan roh itu disandarkan kepada Allah sebagai tanda kemuliaan kepada Nabi Isa dan sekaligus menegaskan kesucian Maryam.²⁹ Roh itu adalah *hadith* (baharu) dan makhluk bukannya qadim. Jauh sekali roh itu sebahagian daripada roh dan zat Tuhan. Ia dapat diperhatikan kepada lafaz *wakalimatuhu alqaha ila Maryam wa ruh minhu* iaitu dan Kalimah Allah yang telah disampaikan-Nya kepada Maryam, dan (ia juga tiupan) roh daripada-Nya.

Tema kedua; keEsaan Zat Allah. Penegasan bahawa Nabi Isa bukan dicipta daripada roh dan zat Allah sebagaimana dakwaan masyarakat penganut Kristian sehingga menatijahkan keyakinan trinititi. Islam menafikan dan menolak keyakinan seumpama ini.³⁰ Sebaliknya ia adalah tanda kekuasaan dan iradat Allah.³¹

Manakala menurut al-Baydawi, ayat di atas menerangkan tentang larangan Allah terhadap masyarakat Yahudi dan Nasrani agar tidak melampaui batas dalam menghukum dan mentafsir ayat. Masyarakat Yahudi menegaskan bahawa Nabi Isa telah dilahirkan tanpa bimbingan Tuhan dan kerana itu ia tertolak sebagai nabi dan rasul kepada masyarakat Yahudi. Masyarakat Nasrani pula memuliakan kedudukan Nabi Isa sebagai tuhan dan dijadikan personaliti utama dalam keyakinan trinititi.

Sehubungan itu, perbincangan ini memerihalkan wujudnya persepsi yang berlainan dalam kalangan masyarakat Yahudi, Nasrani dan Islam mengenai maksud roh suci apabila dikaitkan dengan pengkisahan Nabi Isa dan bondanya Maryam. Roh suci yang dirujuk sebagai malaikat Jibril bertanggungjawab menyampaikan wahyu dan risalah tauhid kepada rasul pilihan Allah dan juga bertanggungjawab memastikan keteguhan dan kecekalan hati setiap para rasul terpilih mengharungi cabaran dan kelangsungan hidup berdepan dengan karenah pelbagai masyarakat yang ingkar dan menolak seruah dakwah dan masyarakat yang menerima ajakan kepada risalah tauhid hingga ada kalangan para rasul ini digelar sebagai *Ulu al-'Azmi*.

²⁹ Al-Baydawi. *Tafsir al-Baydawi*. h. 226-227.

³⁰ Al-Nasafi. *Tafsir al-Nasafi*. h. 418-419.

³¹ Al-Razi. *al-Tafsir al-Kabir*. h.116.

Penutup

Tuntasnya, perbincangan ini merencami perbezaan pemaknaan roh, roh-Nya dan roh suci yang merujuk kepada entiti dan maksud tertentu selaras dengan penghujahan ilmiah yang dikemukakan. Perbahasan berhubung roh ini merupakan urusan yang termaktub dalam ilmu Allah. Ini menjelaskan bahawa akal manusia tidak mampu mencerp hakikat roh dan sekaligus meletakkannya dalam perihal berkaitan sam'iyat.

Pun begitu, umumnya, roh merujuk kepada entiti yang dikurniakan Allah bagi tujuan menghidupkan jasad seseorang individu dengan izin-Nya. Manakala Roh-Nya bukanlah bermaksud Roh Allah, tetapi lebih cenderung memperlihatkan kemuliaan roh yang Allah kurniakan kepada para hamba-Nya yang diamanahkan sebagai khalifah Allah.

Roh suci pula bermaksud malaikat Jibril atas fungsi dan peranannya yang utama membawa wahyu dan memastikan misi dan visi para rasul berjaya. Pun begitu, konsep roh suci itu berbeza menurut perspektif ajaran Yahudi, Kristian dan Islam sekalipun asalnya adalah agama samawi, tetapi ternyata kini jauh berbeza status ke'samawi'annya. Islam sahaja agama samawi yang diiktiraf dan diredai Allah seperti dalam firman-Nya dalam surah al-Ma'idah ayat 3 dan surah Ali 'Imran ayat 19.

Menurut Islam, *ruh al-qudus* secara jelas merujuk kepada malaikat Jibril; makhluk Allah yang secara mutlak terpisah daripada Zat-Nya. Selaku makhluk, Jibril termasuk dalam kalangan hamba-Nya dan sama sekali tidak mempunyai ciri ketuhanan.

Manakala *holy spirit* pula dianggap oleh penganut Kristian sebagai pecahan dari zat tuhan kepercayaan mereka yang membentuk trinit. Berlainan dengan *ruh al-qudus*, *holy spirit* bukanlah malaikat meskipun ia menjalankan beberapa fungsi yang seakan sama dengan malaikat dalam perspektif Islam. Perbezaan utama antara *holy spirit* dan malaikat Jibril adalah; *holy spirit* menempati diri penganut Kristian untuk menjalankan fungsinya ke atas manusia. Justeru, *holy spirit* juga bukan dalam kalangan malaikat.

Tuntasnya, roh manusia bukan "Roh Allah" dan bukan malaikat, serta ungkapan "roh-Nya" bukan bermaksud "Roh Allah", dan roh suci itu adalah malaikat Jibril, yang tidak ada kaitan dengan roh manusia dan *holy spirit*.

Rujukan

- Adam Badhrulhisham dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Konsep Roh Suci Menurut Islam dan Kristian," *AFKAR* vol. 1 (2018).
- Al-Baydawi, *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil: Tafsir al-Baydawi* (Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, t.t).
- Al-Bukhari, Abu 'Abdullah Muhammad ibn Isma'il ibn Ibrahim, *Sahih al-Bukhari* (Kaherah: al-Maktabah Jumhuriyyah al-'Arabiyyah, 1958).
- Al-Jurjani, al-Sayyid al-Sharif Abi al-Hasan 'Ali bin Muhammad al-Humayni, *al-Ta'rifat* (Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah, 2000).
- Al-Muslim, Ibn al-Hajjaj, Abu al-Husain al-Qusyayri al-Nisaburi, *Sahih Muslim bi Syarah al-Nawawi* (Kaherah: al-Matba'ah al-Misriyyah wa Maktabatuha, 1930).
- Al-Razi, Fakh al-Din, *al-Tafsir al-Kabir* (Beirut: Dar al-Fikr, 1985).
- Al-Tirmidhi, Muhammad bin Isa bin Saurah bin Musa bin al-Dihak al-Sulami al-Bughi, *al-Jami' al-Mukhtasar min al-Sunan Rasulillah wa Ma'rifatu al-Sahih wa al-Ma'lul wa Ma 'Alaihi 'Amal* (Riyadh: Dar al-Salam, 2009).
- Al-Zamakhshari, Abu Qasim Jarallah Mahmud ibn 'Umar, *al-Kashshaf* (Mesir: Dar al-Fikr, t.t).
- Ibn Manzur, Abu Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram, *Lisan al-'Arab* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 2012).
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Isa al-Masih Putera Maryam: Satu Taakulan," *Jurnal Usuluddin* vol. 3 (Disember 1995).
- Mohd Hasrul Shuhari dan Mohd.Fauzi Hamat, "al-Asma' al-Husna dalam Wacana Akidah," *AFKAR* vol. 11 (2010).
- Muhammad Fu'ad Abd al-Bāqī, *al-Mu'jam al-Mufahris li Alfaz al-Qur'an al-Karim* (Kaherah: Dar al-Hadith, 1996).
- Al-Nasafi, 'Abd Allah ibn Ahmad ibn Mahmud, *Tafsir al-Nasafi* (Beirut: Dar al-Kalam al-Tayyib, t.t).
- Syed Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an* (Beirut: Dar al-Shuruq, 1982).